

22/07/1997

Pemikiran masyarakat perlu diubah: PM

Manja Ismail in Okayama City (Jepun)

OKAYAMA CITY (Jepun), Isnin - Pendekatan baru, termasuk melalui undang-undang perlu diambil bagi menukar pemikiran rakyat supaya lebih cekap, selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai negara maju, tidak lama lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kemajuan sesebuah negara bukan setakat mampu mengeluarkan kereta pada jumlah yang besar, tetapi merangkumi kecekapan dalam semua bidang termasuk pengeluaran makanan dan pertanian.

Menurutnya, kemampuan menghasilkan makanan secara pengeluaran besar-besaran dan mengamalkan pertanian berasaskan teknologi tinggi bukan sahaja membantu meningkatkan tahap ekonomi, malah mengatasi negara daripada dibanjiri pekerja asing.

Dengan mengambil Jepun, negara terakhir yang dilawatinya dalam percutian sambil bekerja selama dua bulan sebagai contoh, Perdana Menteri berkata walaupun industri dan ekonomi negara itu berpuluh kali ganda tingginya berbanding Malaysia, semua pekerjanya adalah rakyat tempatan.

Sehubungan itu, katanya, Kerajaan Pusat dan negeri perlu membuat persediaan sama ada dalam bentuk undang-undang atau apa juga cara supaya ia dapat disesuaikan dengan keadaan dalam negara sekarang.

"Cara mentadbir sesebuah negara mengikut keadaan dalam negara kita. Ketika mula membangun dan mempunyai kekurangan peluang kerja, kita terpaksa pelbagai lesen, termasuk untuk menjual nasi lemak di tepi jalan.

"Tetapi ketika sudah maju jauh ke hadapan sekarang, kita bukan sahaja kekurangan pekerja tetapi tukang masak pun tidak cukup. Macam-macam masalah timbul. Pada tahun 2000 atau 2005 nanti, kita tidak boleh lagi mempunyai warung tepi jalan di bawah bumbung plastik dan sampah sarap dibuang ke longkang.

"Kerana itu kita kena tukar cara. Kalau tidak mahu tukar cara, negara kita akan dibanjiri pekerja asing dan kita akan kehilangan tempat serta menjejaskan pendapatan negara.

"Peniaga kecil harus menjadi peniaga besar. Jika tidak boleh, sekurang-kurangnya mereka pegang saham dalam perusahaan yang dibesarkan. Inilah pendekatan yang harus kita tiru," katanya kepada wartawan Malaysia di sini petang ini.

Setibanya di Kobe untuk lawatan empat hari ke Jepun Jumaat lalu, Dr Mahathir melawat sebuah kilang mengeluarkan makanan panas segera (Obento) yang mampu menghasilkan 12,000 kotak sehari dan siap dalam tempoh empat jam sebelum dijual.

Ketika di England, Dr Mahathir melihat kaedah pertanian moden di ladang seluas 4,000 hektar yang hanya dikendalikan oleh lapan orang, manakala di Jerman, beliau mengambil gambar dan pelan sebuah warung kebab yang menurutnya amat bersih serta sesuai jika digunakan untuk menjual nasi lemak di Malaysia.

Perdana Menteri yang yakin nasi lemak juga boleh dijadikan makanan segera ala Obento berkata, pelbagai pendekatan perlu diambil untuk mengubah cara berfikir rakyat supaya meninggalkan kaedah tradisional yang tidak lagi sesuai sekarang.

"Satu kita guna undang-undang, satu kita guna umpan supaya mereka tertarik. Satu lagi kita latih mereka kerana mereka sendiri tidak tahu. Akhbar-akhbar tolonglah membantu kerajaan dalam hal ini," katanya.

(END)

